

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH
(PUTATAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10.06.2015

Y.B. DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH [PUTATAN] minta

MENTERI KEWANGAN menyatakan:-

- a. sektor penerbangan manakah yang mendatangkan kerugian besar bagi Syarikat Penerbangan Malaysia Airlines Systems dan Maswing.; dan
- b. berapa ramaikah kakitangan Mas dan Maswing yang akan diberikan Skim "Voluntary Separation Scheme" dalam penyusunan semula Syarikat Penerbangan Negara kelak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada 29 Ogos 2014, Khazanah telah mengumumkan Pelan Pemulihan MAS yang melibatkan rombakan menyeluruh syarikat penerbangan tersebut. Pelan pemulihan ini merangkumi elemen tadbir urus dan rangka kerja kewangan, model operasi perniagaan, kepimpinan dan modal insan serta persekitaran pengawalseliaan. Secara umumnya, sektor penerbangan antarabangsa tidak mendatangkan banyak keuntungan disebabkan kos operasi yang lebih tinggi berbanding sektor penerbangan domestik. Buat masa ini, pihak MAS dan MASWings akan meneruskan operasi sedia ada dan rasionalisasi operasi penerbangan akan dimuktamadkan apabila Malaysia Airlines Berhad (MAB) mula beroperasi kelak.

Tuan Yang di-Pertua,

Salah satu daripada 12 rangka kerja Pelan Pemulihan MAS adalah menyesuaikan saiz tenaga kerja dan memberi latihan semula kepada pekerja-pekerja yang diberhentikan. Pemberhentian pekerja-pekerja MAS di bawah Pelan Pemulihan MAS ini bukan merupakan Skim *Voluntary*

Separation Scheme (VSS) kerana semua pekerja MAS perlu diberhentikan dan tawaran kerja baharu adalah dibuat oleh NewCo (MAB). Sehingga kini, seramai 4,518 orang telah dikenal pasti untuk ditamatkan perkhidmatan bermula 1 Jun 2015 dan jumlah ini dijangka akan meningkat sehingga 6,000 orang bergantung kepada keperluan perniagaan masa hadapan. Kakitangan yang diberhentikan akan ditawarkan pelbagai program peralihan dan sokongan penempatan yang akan disediakan di Pusat Pembangunan Korporat atau *Corporate Development Centre* (CDC). CDC dianggarkan akan menawarkan 448 jenis kursus dengan 4,500 hingga 8,000 peluang pekerjaan.